



PENGENALAN:

Risiko pendarahan di bahagian kepala akibat bayi terjatuh adalah perkara yang wajar dipandang serius kerana boleh mengakibatkan morbiditi dan mortaliti bayi yang berusia kurang daripada satu bulan. Risiko bayi jatuh semasa proses menimbang di rumah merupakan satu insiden yang mampu dielakkan dengan mewujudkan proses kerja lawatan rumah yang lebih baik. Satu kejadian bayi hampir jatuh (near fall) semasa proses menimbang di rumah telah dilaporkan pada Januari 2019 di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Teluk Intan (KKIA TI), justeru inovasi kain penimbang bayi yang telah dimulakan pada tahun 2020 dengan menambah baik aspek keselamatan kain penimbang sedia ada secara menyeluruh dengan kos penghasilan minima RM 5 telah dilaksanakan.

KAEDAH:

Kaedah "pendekatan berfokus" telah digunakan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan kain penimbang bayi ini. Penambahan *hoody* dibahagian kepala dan kaki, serta *body strap* boleh laras dan senggatan kekal pada bahagian kiri dan kanan kain adalah penambahbaikan yang ditekankan dalam projek ini (gambar rajah: a). Maklum balas 100 orang klient yang melaporkan kelahiran ke Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Teluk Intan (KKIA TI) dalam tempoh 6 bulan bermula Januari 2020 hingga Jun 2020 telah di rekodkan sepanjang tempoh kajian dilaksanakan.

KEPUTUSAN:

Menurut kajian di sebuah Institusi Kesihatan Awam Cardiff School of Medicine UK, kanak – kanak di bawah usia 12 bulan yang jatuh berisiko lebih besar untuk mendapat pendarahan dalam kepala atau keretakan tempurung kepala yang teruk (1). Memandang serius komplikasi ini, aspek keselamatan di tekankan dalam inovasi kain penimbang supaya tiada kes bayi jatuh berulang dilaporkan selain dapat menambah baik proses kerja lawatan rumah setiap anggota kesihatan.

Pemilihan kain blaco yang tahan lasak, fleksibel, mudah didapati serta tidak mudah reput menjadikan ia sebagai material yang tepat untuk projek ini (2). Berbanding material kain bekalan KKM yang licin dan bersaiz kecil, material kain blaco terbukti mampu menampung berat sehingga 15kg dengan mudah tanpa terurai atau koyak (gambar rajah: b). Penambahan *hoody* kepala dan kaki serta *body strap* boleh laras secara tidak langsung mengawal pergerakan bayi agar julat bacaan berat dapat dicatatkan dengan tepat (A: Accurate). Bayi yang lebih selesa dan pergerakan yang kurang dapat mempercepatkan proses kerja anggota (E: Easy) serta mengurangkan risiko jatuh (S: Safe).



Gambar Rajah (a): penambahan *hoody* kepala dan kaki, *body strap* boleh laras dan senggatan kekal di bahagian kiri dan kanan kain.



Gambar Rajah (b): proses kerja menimbang dirumah dan proses verifikasi maksima berat yang dapat ditampung oleh kain blaco (pemberat standard 5 kg)

KONKLUSI:

Kajian kepuasan pelanggan melibatkan 100 klien ibu postnatal tentang keberkesanan produk dilaksanakan mendapati 100% klien berpuas hati dengan penggunaan produk ini (gambar rajah: a). Objektif inovasi tercapai apabila tiada kes bayi jatuh berulang dilaporkan. Produk ini telah mendapat pengiktirafan 4 bintang dalam Konvensyen Kualiti Hospital Teluk Intan pada tahun 2022. Seterusnya replikasi A.E.S scale ini telah diperkembangkan ke semua klinik desa dibawah operasi KKIA TI dan diguna pakai sehingga kini.

SUMBER RUJUKAN:

(1) Head injury from falls in children younger than 6 years of age | Archives of Disease in Childhood (bmj.com)

(2) <https://www.contrado.co.uk/blog/what-is-calico/#:~:text=Calico%20fabric%20is%20a%20plain,remains%20un%2Ddyed%20and%20raw>